

Hayati, pegang etika kerja

► Saranan kepada warga KKM dalam melaksana tanggungjawab

KOTAKINABALU: Warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri ini disaran untuk terus menghayati dan berpegang kepada etika kerja perkhidmatan awam yang telah digariskan dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr. Christina Rundi berkata, setiap warga dibawah KKM perlu professional, berpegang serta menghayati etika kerja yang digariskan agar mutu perkhidmatan yang diberi sentiasa sampai secara optima sekaligus dapat membina keyakinan yang tinggi di kalangan sasaran organisasi.

Tambahnya, amalan menghayati dan berpegang kepada etika kerja perkhidmatan bukan sekadar mematuhi garis panduan semata-mata, malah



DR. Christina melancarkan Konferen Klinikal Peringkat Negeri Sabah ke-19 disaksikan bersama Noor Azlan (tiga kiri).



SESI penerangan secara lisan daripada peserta konferen melibatkan poster-poster berkaitan perubatan dan kesihatan.

merangkumi amalan nilai serta akhlak terpuji dan prinsip moral yang mampu menjadikan setiap warga KKM sentiasa kompeten serta berakauntabiliti terhadap bertanggungjawab yang diamanahkan.

Dr. Christina berkata demikian semasa merasmikan Konferen Klinikal Peringkat Negeri Sabah Ke-19 anjuran Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bertempat di salah sebuah

hotel terkemuka, disini pada Rabu.

Lebih 250 orang peserta yang terdiri dari 30 skim perkhidmatan di bawah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (Allied Health Profesional) Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertugas di pelbagai fasiliti seluruh negeri Sabah hadir pada konferen yang berlangsung selama tiga hari bermula 5 hingga 7 September.

Dr. Christina menambah, bidang kesihatan amat luas dan kompleks.

"Sehubungan itu setiap warga KKM perlu relevan dengan sebarang perkembangan dan persekitaran teknologi semasa termasuklah kecenderungan menguasai kemahiran yang pelbagai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada masyarakat," jelasnya.

Bertemakan 'Optimizing

“Setiap warga KKM perlu relevan dengan sebarang perkembangan dan persekitaran teknologi semasa termasuklah kecenderungan menguasai kemahiran yang pelbagai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.”

DATUK DR. CHRISTINA RUNDI

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Allied Health Profession For Health Care 'Transformation' konferen tahunan tersebut antara lain memberi pendedahan kepada para peserta berhubung tugas dan tanggungjawab pelbagai bidang perubatan dan kesihatan melalui aktiviti penyelidikan serta mengenalpasti kesesuaian dan penambahanbaikan perkhidmatan dalam memastikan keselamatan pesakit dapat disalurkan secara berkesan dan efektif.

Selain ceramah dan taklimat daripada penceramah jemputan, peserta turut berpeluang menyertai sesi pameran poster dan pembentangan hasil kajian saintifik mereka sebagai galakan untuk terus menghasilkan kajian dan penyelidikan yang berkualiti.

Hadir sama pada majlis

tersebut Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Dr. William Gotulis serta Noor Azlan M'hamd Ajlis selaku penganjur Konferen Klinikal Negeri Sabah Ke-19.



DR. William menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta yang berjaya membenteng hasil kajian dan penyelidikan menarik sepanjang konferen.



SEBAHAGIAN peserta Konferen Klinikal Peringkat Negeri Sabah ke-19.